

“Allah mendengar doa orang yang sabar dan dianiaya. Saya akui sakit, lemah dan derita kerana penyakit misteri. Enam ekor kucing saya mati secara tiba-tiba kerana dipercayai ‘menyerap’ ilmu hitam yang dihantar kepada saya.”

KALAU sudah rezeki, lambat atau cepat, ia tidak pernah salah alamat. Begitulah bertuahnya penyanyi Shima yang menerima rumah melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) baru-baru ini.

Shima yang pernah derita kerana penyakit misteri dan masalah sakit saraf dan tulang belakang sejak Mac lalu, kini sudah mampu tersenyum ceria kerana dikurniakan rezeki yang diimpikannya.

Bersyukur atas nikmat yang diberikan, Shima berkata, terlalu banyak dugaan dilalui dalam meneruskan kehidupan.

“Allah mendengar doa orang yang sabar dan dianiaya. Saya akui sakit, lemah dan derita kerana penyakit misteri. Enam ekor kucing saya mati secara tiba-tiba kerana dipercayai ‘menyerap’ ilmu hitam yang dihantar kepada saya.

“Penderitaan saya hanya Allah yang tahu. Kini saya masih menjalani proses berubat agar penyakit misteri ini sembuh.

“Bukan itu sahaja, saya juga tidak mampu untuk berniaga lagi kerana sakit yang dialami. Kalau ada tawaran persembahan saya masih boleh jayakan kerana ia tidak memerlukan saya bekerja berat,” luahnya yang sebelum ini menjadi mangsa dengki segelintir pihak yang tidak senang hati dengan perniagaan makanan diusahakannya.

Bukan itu sahaja, suaminya, Abdullah Rusli, 42, juga mengalami masalah *slipped disc* sejak 2013.

Menurut Shima, dia kini mengicap kebahagiaan apabila satu persatu rezeki datang kepadanya.

Shima menerima Surat Tawaran Program Perumahan Rakyat (PPR) yang disampaikan sendiri oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida

Oleh MOHD. FADHIL ABDOLLAH
deelanjer@gmail.com



Kamaruddin di Kementerian itu pada Jumaat lepas.

“Saya sudah boleh ambil kunci tetapi perlu bayar duit pendahuluan. Lagi pun saya tidak boleh masuk rumah baharu dalam masa terdekat kerana proses perpindahan memerlukan masa.

“Saya berterima kasih kepada Datuk DJ Dave dan semua yang terlibat kerana berusaha mendapatkan rumah untuk saya,” katanya.

Shima turut meluahkan rasa gembira atas pemberian ini kerana bukan mudah untuk mendapat rumah PPR.

“Saya dikira sangat bertuah kerana orang lain yang memohon memerlukan tempoh bertahun-tahun untuk memperolehnya.

“Alhamdulillah dapat rumah. Biarlah apa orang nak kata janji saya ada tempat untuk berteduh,” luah Shima yang mengaku tawaran PPR banyak mengurangkan bebannya.

Sebelum ini Shima atau nama sebenarnya Ku Nazatul Shima, 50, dan suaminya menyewa di sebuah pangsapuri di Damansara Damai dengan harga RM600 sebulan.

“Saya akui bayar sewa rumah sekarang sangat membebankan. Belum lagi termasuk bil elektrik dan air. Mujurlah rumah itu milik kawan saya, jadi saya boleh bertolak-ansur dengannya pasal sewa rumah.

“Saya dikira bernasib baik kerana turut mendapat bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor bermula bulan ini. Selain itu saya juga ada menerima bantuan makanan, perubatan dan kewangan daripada pihak-pihak tertentu,” ujarnya.



ZURAIDA KAMARUDDIN (tiga dari kiri) menyampaikan Surat Tawaran Program Rumah PPR kepada Shima di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya baru-baru ini.

Derita Shima bertukar bahagia